

01 DEC 1996

Mahathir-LIMOS

MAHATHIR PUAS HATI DENGAN LIMOS '96, YAKIN IA AKAN LEBIH TERKENAL

LANGKAWI, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri berpuas hati dengan sambutan industri automobil terhadap Pameran Motor Antarabangsa Langkawi (LIMOS) tahun ini dan percaya pameran ini akan menjadi lebih terkenal.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin LIMOS akan menjadi terkenal seperti Pameran Udara dan Maritim Langkawi (LIMA) yang berjaya menarik penyertaan dari seluruh negara.

"LIMA sudahpun menjadi pameran udara yang terkemuka... saya yakin penduduk dari negara-negara berhampiran kita akan datang ke LIMOS," katanya pada persidangan berita selepas merasmikan LIMOS '96 dan meluang masa lebih tiga jam melawat gerai-gerai pameran, di sini hari ini.

Lebih 80 syarikat automobil, termasuk pengeluar kereta dan motosikal dari dalam dan luar negara mempamerkan hampir 200 kenderaan pada pameran kali kedua yang dianjurkan oleh Le Proton Exhibitions and Services Sdn Bhd.

Antaranya ialah pavilion DRB-Hicom yang mempamerkan Lotus Elise, Mercedes Benz yang melancarkan model SLK hari ini dan EN Automotive Industries Sdn Bhd yang memperkenalkan tiga model kereta Cadillac -- DeVille, Seville dan Eldorado

-- untuk pasaran Malaysia.

Perdana Menteri berkata penyertaan beberapa syarikat tempatan menunjukkan bahawa industri automobil di Malaysia sudah mencapai kemajuan yang membanggakan.

"Pameran seperti LIMOS memberi peluang kepada mereka yang terlibat dalam industri itu untuk memperkenalkan hasil pengeluaran mereka," katanya.

Ketika ditanya sama ada pameran motor seperti itu perlu dijarakkan tempoh dan sama ada perlu diperkenalkan pameran motor di tempat lain selain dari Langkawi, Dr Mahathir berkata penganjur sememangnya perlu menentukan sesuatu pameran itu tidak diadakan serentak dengan pameran yang serupa yang berlangsung di negara berdekatan.

Beliau berkata pameran motor boleh juga diadakan di tempat lain asalkan waktu penganjurannya tidak terlalu dekat.

"Saya rasa pameran motor di Kuala Lumpur agak berlainan sedikit berbanding dengan di sini (Langkawi). Saya rasa tidak salah untuk menganjurkan satu di Langkawi dan satu lagi di Kuala Lumpur," katanya.

Selepas merasmikan LIMOS '96, Perdana Menteri melancarkan beberapa jenis kereta termasuk kereta sport konsep yang direkabentuk di Malaysia yang dinamakan Delfino IQ 140.

Dr Mahathir, ketika ditanya pendapatnya setelah memandu uji kereta itu, berkata ia adalah sebuah kereta yang baik dan pemanduannya memuaskan.

Ketika ditanya sama ada kereta itu melengkapkan pengeluaran kereta sport di Malaysia selepas Proton mengeluarkan Lotus Elise, beliau berkata kedua-dua kereta itu mempunyai pasaran yang berbeza.

"Yang jelas ialah banyak pengusaha mulai menceburi bidang ini (pengeluaran kereta) menggunakan bahan komposit dan kaca gentian," katanya.

Mengenai rancangan Proton untuk mengeluarkan kereta sport Lotus Elise, Perdana Menteri berkata Tan Sri Yahya Ahmad telah memaklumkan hasrat untuk berbuat demikian.

"Harga jualan tidak dibincangkan tetapi mungkin Lotus Elise dibuat di sini memang ada.

"Saya berbincang dengan Tan Sri Yahya dan dia berpendapat penjualan Lotus mungkin berlipat ganda serta menyatakan kemungkinan Lotus Elise

dihasilkan di Malaysia dan dipasarkan di rantau Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir berkata pemindahan teknologi dalam industri automobil mempercepatkan pertumbuhan industri tempatan.

Sebagai contoh, katanya, Proton mungkin tidak bergerak langsung sekiranya Mitsubishi Motor Corporation tidak berminat untuk bekerjasama dan memindahkan teknologi pembuatan kereta kepada Malaysia.

"Pada mula tidak banyak yang mahu tetapi Mitsubishi menunjukkan minat. Hasilnya dapat dilihat sekarang dengan Proton mencapai kejayaan yang cemerlang.

"Atas kerjasama itu, kita kini mempunyai industri pembuatan kereta yang agak besar, yang mampu pula membeli sebuah syarikat sebesar Lotus (Lotus Group International Ltd)." -- BERNAMA

MT MFJ AKD